

20/06/1998

Tokoh korporat setuju adakan road show

TOKOH-TOKOH korporat yang menyifatkan ucapan dasar Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai bernas, menyokong kecamannya terhadap aktiviti pengurus dana asing dalam kegawatan ekonomi sekarang.

Mereka juga sependapat dengan teguran Perdana Menteri terhadap tindakan syarikat tempatan yang mengadakan rombongan ke luar negara membuat `road show' untuk menarik dana asing.

Pengerusi Kumpulan DRB-Hicom, Tan Sri Saleh Sulong, berkata apa yang dinyatakan oleh Perdana Menteri itu adalah betul dan tidak harus dipersoalkan, terutama oleh rakyat asing.

"Kita dah lama tak buat `road show' dan saya berpendapat sudah banyak syarikat tidak berbuat demikian, kecuali segelintir," katanya ketika ditemui selepas menghadiri perasmian Perhimpunan Agung Umno, semalam.

Dr Mahathir dalam ucapan dasarnya di perhimpunan itu antara lain menyatakan bahawa ada yang membuat rombongan pergi ke Amerika Syarikat untuk membuat `road shows' bagi menarik dana asing melabur dalam industri terkemuka negara ini.

Mengenai masalah kegawatan yang dikemukakan oleh Perdana Menteri, seorang lagi tokoh korporat, Tan Sri Azman Hashim berpendapat keadaan dijangka reda sekurang-kurangnya berhubung soal kadar faedah tinggi.

Katanya, kadar faedah tempatan akan stabil jika kadar faedah luar pesisir akan turun.

"Dengan campur tangan Amerika Syarikat dan Jepun untuk membantu yen, saya diberitahu kadar ringgit luar negara kini sudah turun kepada 11 peratus dan menjejaskan spekulator," katanya.

(END)